



Jabatan Pelajaran Melaka,
Jalan Istana,
Bukit Beruang,
75450 Melaka

Pengarah : 06-2323782
Pejabat Am : 06-2323776
: 06-2323777
No. Fax : 06-2320500

Ruj. Kami : JPM.SPS.PRA.600-2/2 (19)
Tarikh : 20 Januari 2012

Semua Guru Besar,
Sekolah Rendah Negeri Melaka.

Tuan/Puan,

PENGGUNAAN SISTEM MAKLUMAT PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SMPK) DI BAWAH INISIATIF NKRA PENDIDIKAN TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF) NKRA Pendidikan yang dipengerusikan Oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 31 Disember 2010, telah bersetuju untuk menggunakan satu sistem tunggal bagi kutipan data murid prasekolah bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNI) dan Prasekolah Swasta yang berdaftar dengan KPM menggunakan **Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)**.

3. Untuk makluman Tuan/Puan, SMPK ini adalah sistem atas talian yang telah berkuatkuasa penggunaannya mulai tahun 2011 dan boleh dicapai melalui URL <http://apps2.moe.gov.my/smpk>.

4. Mohon kerjasama tuan/puan untuk memaklumkan kepada semua guru dan pembantu pengurusan murid Prasekolah di bawah pentadbiran tuan/puan untuk melaksanakan perkara berikut:

4.1 Mengisi data dan maklumat dalam SMPK dengan lengkap mulai 17 Januari 2012 dan hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 10 Februari 2012.

4.2 Mengemaskini data dan maklumat dalam SMPK secara berterusan mulai 16 Februari 2012 hingga 31 Disember 2012.

5. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi dengan Puan Hjh. Rosinah Bte Jantan, Ketua Unit Pendidikan Prasekolah, Jabatan Pelajaran Melaka di talian : 06-2325312. Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU"

(HAJI ASHA'ARI BIN HAJI JOHARI)
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka